

16 APR 2002

Sukan-Sukma (Bergambar)/I

VENUE UTAMA SUKMA 2002 AKAN DISERAHKAN PADA JULAI

KOTA KINABALU, 16 April (Bernama) -- Kompleks Sukan Likas, venue utama Sukan Malaysia (Sukma) ke IX dijangka diserahkan kepada kerajaan negeri menjelang hujung Julai ini selepas siapnya semua kerja-kerja menaikkan taraf.

Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini berkata semua kerja-kerja pembinaan di venue itu berjalan mengikut jadual dan tiada alasan untuk timbul kelewatan dalam menyiapkannya.

"Kita tidak ragu bahawa kontraktor utama, Demirama Sdn Bhd boleh menyiapkan kerja-kerja ini pada penghujung bulan Jun dan penyerahan secara rasmi venue ini dapat dilakukan pada 28 Julai," kata beliau dalam persidangan berita selepas mengetuai Menteri-menteri Kabinet Negeri melawat kompleks sukan itu dekat sini.

Chong mengucapkan tahniah kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Datuk Yahya Hussin serta kakitangan Kementerian itu kejayaan mereka dalam memastikan venue itu siap mengikut jadual.

Beberapa masalah berhubung bahan-bahan binaan dan juga skala kerja-kerja naik taraf, mengancam untuk melewatkan pembinaan kompleks itu tahun lepas tetapi ia telah diatasi dan kerja-kerja berjalan lancar dengan perbelanjaan dikurangkan kepada RM73 juta berbanding RM113 juta mengikut perancangan awal.

Selain daripada kompleks sukan utama yang kini 75 peratus siap, persiapan bagi 17 lagi venue di dalam dan di sekitar bandaraya ini termasuk satu di Papar, lebih kurang 50km dari sini, juga berjalan lancar, kata Chong.

Lebih kurang 7,000 atlit dan pegawai dari seluruh negara akan bertanding bagi 27 acara sukan dalam sukan yang diadakan dua kali setahun itu dari 5-14 Sept.

Atlit-atlit dari Brunei dan juga Northern Territory, di Australia, telah dijemput untuk menyertai temasya itu yang akan dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan ditutup oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Chong berkata Sabah sebagai tuan rumah kali ini berazam untuk menjayakan sukan itu kerana ia "acara kebangsaan terbesar yang datang kepada kita...kami memandang serius Sukma Sabah 2002."

Beliau juga menyatakan keyakinan yang kemudahan di ibu negeri adalah cukup untuk menampung kedatangan ramai pengunjung semasa teamasya itu.

-- BERNAMA

JS PR